

**MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS PARKIR BERTINGKAT “PARK ‘n RIDE” STESEN  
LRT AMPANG**

28/06/2014

STESEN LRT AMPANG, KUALA LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia;

Yang Berhormat Dato’ Seri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan Malaysia;

Yang Berbahagia Tan Sri Ismail Adam, Pengerusi Syarikat Prasarana Negara Berhad;

Yang Berbahagia Tan Sri Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar, Pengerusi Suruhanjaya  
Pengangkutan Awam Darat;

Yang Berbahagia Dato’ Sri Shahril Mokhtar, Pengarah Urusan Kumpulan, Syarikat  
Prasarana Negara Berhad;

Yang Berbahagia Tuan Haji Abdul Hamid Bin Hussain, Pemangku Yang Dipertua Majlis  
Perbandaran Ampang Jaya;

Dif-dif jemputan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala atas keizinan dan limpah kurnia-Nya, maka dapat kita bersama-sama pada majlis yang penuh bermakna pada pagi ini.
2. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad kerana sudi menjemput saya hadir untuk merasmikan Kompleks Parkir Bertingkat “Park ‘n Ride” Stesen LRT Ampang pada hari ini.
3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak pengurusan dan warga kerja Prasarana kerana telah berjaya menyiapkan Kompleks Parkir Bertingkat “Park ‘n Ride” ini untuk kemudahan dan keselesaan pengguna pengangkutan awam bandar di kawasan bandar Ampang.
4. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato’ Seri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan yang baru dilantik pada hari Rabu yang lepas.
5. Semoga dengan pelantikan ini, agenda transformasi nasional dalam sektor pengangkutan awam akan terus dipacu dengan berkesan. Saya yakin pemimpin berkaliber seperti Dato’

Seri Liow mampu menerajui Kementerian Pengangkutan dengan baik, selain memberi nilai tambah kepada industri pengangkutan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Negara terus menyaksikan sumbangan dan perubahan yang dilakukan di dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), sekali gus memberikan petanda baik terhadap usaha transformasi kita untuk menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

7. Ketika Malaysia berhadapan dengan ekonomi global dan memulakan transformasi ke arah negara ekonomi berpendapatan tinggi, kita perlu mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar bertaraf dunia, selesa selain menawarkan harga berpatutan selari dengan hasrat tersebut. NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (UPT) diperkenalkan untuk menangani masalah-masalah pengangkutan yang biasa kita dengar, dan pada masa yang sama membolehkan keseluruhan infrastruktur menyokong kemajuan negara.

8. Tidak dinafikan lagi, perjalanan transformasi pengangkutan awam yang dimulakan pada tahun 2010 telah memperlihatkan kemajuan yang memberangsangkan. Sepanjang empat tahun yang lalu, nisbah mod pengangkutan awam bandar telah meningkat kepada 21% berbanding 17% pada tahun 2010 – ianya semakin menghampiri sasaran nisbah mod pengangkutan awam bandar kepada 25% menjelang tahun 2015.

9. Pada akhir tahun 2013, sasaran purata bulanan 400,000 penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak telah juga berjaya dilepasi, dengan purata 437,525 penumpang telah menggunakan pengangkutan awam pada waktu puncak pagi pada setiap bulan (menunjukkan peningkatan 21% berbanding tahun sebelumnya).

10. Saya percaya peningkatan jumlah pengguna pengangkutan awam ini adalah disebabkan oleh beberapa penambahbaikan yang diperkenalkan Kerajaan kepada sistem pengangkutan awam. Antaranya, penambahan kapasiti set tren perkhidmatan KTM Komuter daripada tiga gerabak kepada enam gerabak, dan pewujudan hab pengangkutan awam bersepadu yang strategik seperti Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasik Selatan.

11. Inisiatif lain termasuk meningkatkan kesalinghubungan perjalanan dan menyediakan perkhidmatan bas bandar percuma (GO-KL) yang berfungsi untuk menarik minat terhadap penggunaan pengangkutan awam dengan lebih meluas.

12. Dengan usaha yang intensif yang dilaksanakan di bawah kerangka NKRA UPT, kita patut berasa yakin bahawa Negara akan mencapai aspirasi yang telah ditetapkan pada

tahun 2015, iaitu purata bulanan 750,000 penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi selain 75% rakyat mempunyai akses kepada laluan pengangkutan awam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Kemudahan “Park ‘n Ride” Ampang ini akan memberikan kemudahan dan keselesaan secara langsung kepada pengguna perkhidmatan LRT, khususnya pengguna di Ampang dan kawasan sekitarnya. Saya difahamkan kemudahan setinggi lima tingkat ini dilengkapi dengan 1,140 petak letak kenderaan, parking guidance system, lif, kamera keselamatan litar tertutup atau CCTV, dan juga laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan kemudahan “Park ‘n Ride” dan Stesen LRT Ampang.

14. Saya juga menyambut baik kemudahan 144 petak untuk golongan wanita dan sebanyak 20 petak letak kereta khas untuk Orang Kelainan Upaya di Kompleks “Park ‘n Ride” Ampang ini.

15. Selain daripada kemudahan “Park ‘n Ride” Ampang ini, Kerajaan dan agensi lain yang terlibat di bawah inisiatif NKRA turut membina 30 kemudahan Park ‘n Ride di stesen-stesen LRT, KTM Komuter dan ERL yang lain. Ianya secara keseluruhan bakal menyediakan lebih 11,000 petak letak kereta untuk kemudahan pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang menjelang tahun 2015.

16. Inisiatif ini merupakan satu contoh komitmen Kerajaan dalam memastikan keselesaan rakyat menjadi keutamaan. Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan, sasaran yang ditetapkan adalah juga merupakan KPI kepada Menteri Pengangkutan.

17. Setiap minggu, KPI ini akan dipantau dan laporan akan dibentangkan kepada Mesyuarat DTF yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Setiap tahun, scorecard setiap Menteri akan dinilai oleh Perdana Menteri. Inilah sebenarnya ‘kunci’ kejayaan Kerajaan dalam memastikan setiap janji atau amanah kepada rakyat akan dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

18. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terutamanya Syarikat Prasarana Negara Berhad, bersempena dengan ulangtahun ke-10 RapidKL dan juga Majlis Perbandaran Ampang Jaya, yang sentiasa bekerjasama erat dalam menjayakan pembinaan dan pengoperasian kemudahan “Park ‘n Ride” di Stesen LRT Ampang ini.

19. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pengangkutan serta agensi-agensi lain yang berkaitan dalam menjayakan agenda nasional NKRA Mempertingkatkan

Pengangkutan Awam Bandar ini.

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadan-Al-Mubarak yang akan tiba pada malam ini. Semoga kita sama-sama dikurniakan sihat tubuh badan untuk menunaikan ibadah puasa pada bulan yang mulia ini.

21. Maka dengan lafaz Bismillah hirrahma nirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kompleks Parkir Bertingkat "Park 'n Ride" Stesen LRT Ampang. Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh